

Headline	Mimos, USM, MYNIC dapat RM18.4j	Language	MALAY
Date	26. Nov 2008	Page No	4
Media Title	Harian Metro	Article Size	281 cm2
Section	Variasi	Frequency	Daily
Circulation	336603	Color	Full Color
Readership	2192000	AdValue	12884.05



Mimos, USM, MYNIC dapat RM18.4j

Sedia teknologi lebih canggih kepada rakyat dan negara

>>Oleh Afiq Hanif
afiq@hmetro.com.my

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), memperuntukkan lebih RM18.4 juta kepada dua agensinya, Mimos Bhd dan MYNIC Bhd serta Universiti Sains Malaysia (USM) dalam menyediakan teknologi lebih canggih kepada rakyat negara ini.

Timbalan Menteri, Fadillah Yusof, berkata RM13 juta diperuntukkan kepada Mimos dalam pembangunan sistem rangkaian serta



FADILLAH...peruntukkan untuk pembangunan teknologi.

penyelesaiannya sementara MYNIC memperoleh RM3.5 juta untuk pembangunan Sistem alamat Protokol Internet Versi 6 (IPv6) yang

kini dilancarkan.

"Dalam pada itu, kami turut memainkan peranan dalam pembangunan dan penyelidikan (R&D) dengan memberikan bajet sebanyak RM1.9 juta kepada USM melalui satu anak syarikatnya yang mengkaji sistem Persidangan Video Berdefinisi Tinggi (HDVC) untuk kepentingan pengguna pada masa depan," katanya.

Menurut Fadillah, kajian terbabit memberi manfaat kepada pengguna yang berkeupayaan menjimatkan masa dan kos bermesyuarat secara 'online' sama ada me-

lalui komputer atau telefon bimbit pada masa akan datang.

"Seperti yang diketahui, penggunaan telefon bimbit kini semakin meluas dan ia perlu digunakan sebaik mungkin.

"Selepas kajian dilakukan USM dalam pembangunan HDVC, ia akan diserahkan kepada industri untuk manfaat semua penduduk Malaysia," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Datuk Dr Halim Shafie memaklumkan

pengguna Internet kini mencecah 14 juta orang dan ia dijangka bertambah dengan adanya akses lebih meluas seperti tempat 'hot-spot' dan perkakasan mudah alih termasuk telefon bimbit.

"Kini terdapat 1,496 hotspot seluruh Malaysia manakala SKMM sehingga sekarang sudah meluluskan 84 lesen kepada penyedia perkhidmatan Internet yang menunjukkan kerajaan amat prihatin mengenai pembangunan dan manfaat ditonjolkannya," kata Dr Shafie.